

29 APR 1998

#### CHINA TIDAK AKAN TURUNKAN NILAI MATA WANG

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- China tidak akan menurunkan nilai mata wangnya Renminbi, bagi tempoh lima tahun yang akan datang, kata Yu Xiao Song, pengerusi Majlis China bagi Promosi Perdagangan Antarabangsa hari ini.

"Sebaliknya, China akan mengekalkan kadar pertumbuhan pesat ekonominya dan menggalakkan permintaan dalam negeri bagi membolehkan kami mengimport lebih banyak dari negara-negara lain," katanya kepada pemberita selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di sini.

Selain daripada menyumbang beberapa bilion dolar di samping pakej bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), beliau berkata China juga bersiap sedia untuk terbabit dalam perdagangan pertukaran dan menerima pembayaran tertanggung bagi membantu ekonomi-ekonomi yang terjejas.

Yu berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai rancangan China untuk membantu negara-negara yang menghadapi masalah di rantau ini.

Para pemerhati berpendapat bahawa sebarang penurunan nilai renminbi akan menjejaskan eksport dari negara-negara lain, yang juga terpaksa bersaing dengan eksport yang lebih murah dari China.

Yu, yang mengetuai rombongan perbadanan milik negara dalam lawatan selama empat hari ke Malaysia berkata, rombongan itu akan meneroka bidang-bidang yang mungkin bagi pelaburan, terutamanya dalam sektor tenaga, pertanian dan industri ringan.

Beliau berkata perbadanan minyak China terbabit dalam perbincangan dengan Petronas bagi kemungkinan kerjasama manakala rundingan sedang dijalankan antara rakan kongsi China dan Malaysia bagi menubuhkan kilang palpa dan kertas bernilai lebih AS\$1 bilion di Malaysia Timur.

China juga merancang untuk meningkatkan import tahunan minyak sawit Malaysia yang ketika ini berjumlah lebih satu juta tonne setahun, katanya.

Laporan awal menyatakan China akan meningkatkan permintaan dalam negeri menerusi program prasarana tiga tahun yang membabitkan AS\$750 bilion dari 1998 hingga 2000 bagi membolehkan ia mencapai kadar pertumbuhan lapan peratus meskipun keadaan kegawatan ekonomi serantau ketika ini.

Lawatan rombongan China itu adalah sebahagian daripada usaha-usaha antara Asean dan China bagi membantu menangani masalah ekonomi. Rombongan pelaburan lain yang terdiri daripada usahawan terkemuka negara itu dijangka akan mengadakan kunjungan ke Asean bulan depan. -- BERNAMA

SHO MAM ZK